

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN  
BIN MOHD HARUN  
NARRASHID [KOTA TINGGI]**

**NO. SOALAN : 21**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) berupaya melahirkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian (MPPB) di kalangan golongan belia luar bandar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Skim Pembiayaan Ekonomi Desa (SPED) adalah merupakan satu usaha berterusan Kerajaan ke arah peningkatan pendapatan dan seterusnya mencapai agenda mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) di kalangan penduduk luar bandar. Tahun 2017 adalah merupakan tahun keenam belas (ke-16) penubuhan program SPED bagi usahawan Bumiputera di Luar Bandar semenjak ditubuhkan pada tahun 2001.

Skop pembiayaan ini adalah meliputi pembelian mesin/peralatan, modal kerja dan ubah suai atau menaik taraf premis perniagaan. Keunikan skim pembiayaan ini adalah ianya tidak mengenakan syarat cagaran/ penjamin, bayaran perkhidmatan berasaskan jumlah baki pinjaman semasa dan tempoh penangguhan bayaran balik selama enam (6) bulan bagi memberi peluang kepada peminjam menjanakan pendapatan. Dua (2) buah bank

pelaksana bagi SPED adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank).

Sepanjang tempoh pelaksanaan SPED dari tahun 2001 sehingga 31 Januari 2017, seramai 3,758 orang usahawan Bumiputera luar bandar telah diluluskan dengan pembiayaan SPED dengan nilai berjumlah RM377 juta yang meliputi seluruh Malaysia. Usahawan luar bandar yang menerima kemudahan pembiayaan ini juga telah berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya 20 peratus yang membuktikan agenda mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Luar Bandar (MPPB) di kalangan masyarakat luar bandar telah tercapai.